

## Pengenalan

Prinsip dan garis panduan pengundian yang diamalkan oleh Khazanah (“Prinsip dan Garis Panduan Pengundian”) diambil daripada kod antarabangsa dan tempatan serta amalan terbaik bagi tadbir urus korporat (antaranya, prinsip tadbir urus korporat Organisation for Economic Co-operation and Development, prinsip tadbir urus global International Corporate Governance Network, dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia), serta mandat kami untuk membangunkan kekayaan jangka panjang Malaysia.

Prinsip dan Garis Panduan Pengundian kami dihuraikan dalam piawaian yang menyeluruh berikut:

### 1. Peranan dan Tanggungjawab Lembaga

Pengarah perlu menghadiri dan menyumbang dalam semua mesyuarat lembaga dan jawatankuasa. Pengarah harus memperuntukkan masa untuk menumpukan perhatian dan memenuhi peranan serta tanggungjawab mereka secara berkesan. Jika mana-mana pengarah yang memegang jawatan yang sama dalam syarikat-syarikat yang lain, bilangan dan peranan jawatan harus terlebih dahulu dipertimbangkan secara teliti untuk memastikan mereka memiliki kemampuan untuk memenuhi tanggungjawab sebagai ahli lembaga syarikat tersebut.

Jawatankuasa Lembaga, termasuk jawatankuasa audit, risiko, tadbir urus, serta penamaan dan ganjaran, adalah penting bagi memastikan keberkesanan tadbir urus syarikat. Jawatankuasa ini, secara majoritinya, harus terdiri daripada pengarah bebas bukan eksekutif. Keanggotaan Lembaga harus merangkumi pelbagai kemahiran dan kepakaran tetapi, namun tidak harus terlalu besar sehingga menyebabkan Lembaga menjadi tidak efektif dan cekap, atau tidak menyumbang kepada proses pembuatan keputusan.

### 2. Kepimpinan dan Kebebasan Lembaga

Peranan kepimpinan Lembaga harus jelas dan seimbang. Lembaga hendaklah membuat keputusan secara objektif dan memberi kuasa kepada pihak pengurusan. Hal ini mungkin lebih mudah untuk dicapai apabila Lembaga secara majoritinya terdiri daripada pengarah bebas bukan eksekutif yang bebas daripada pihak pengurusan.

### **3. Komposisi dan Pelantikan Lembaga**

Peranan Lembaga Pengarah adalah untuk membimbing syarikat untuk mencapai kejayaan jangka panjang demi kepentingan syarikat dan pemegang saham. Adalah penting bagi Lembaga Pengarah terdiri daripada pengarah yang berpengalaman, berkeelayakan dan bersesuaian, yang mana tidak mempunyai sebarang konflik serta mempunyai masa dan kesediaan untuk menjalankan tugas sebagai lembaga pengarah.

Lembaga pengarah perlu mempunyai komposisi serta keseimbangan kemahiran, pengalaman, masa dan pengetahuan yang sesuai untuk membolehkan pengarah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan dalam membuat keputusan secara objektif demi kepentingan syarikat, dengan mengambil kira pelbagai perspektif dan pandangan.

Adalah penting bagi ahli lembaga syarikat pelaburan milik Khazanah memelihara tahap integriti tertinggi, ketelusan dan akauntabiliti, serta tiada kecenderungan politik.

Kepelbagaian dalam Lembaga Pengarah adalah penting untuk mengurangkan 'pemikiran secara berkelompok', menggalakkan soal-jawab dan perdebatan, serta memberikan perspektif yang berbeza, yang akhirnya akan membawa kepada keputusan lembaga dan prestasi korporat yang lebih mantap dan cekap.

### **4. Polisi Ganjaran**

Ganjaran perlu digubal bagi mengatasi masalah utama yang wujud dalam syarikat. Ia harus diselaraskan mengikut kepentingan pengurusan dan pemegang saham bagi memastikan pencapaian jangka panjang dan penciptaan nilai mampan. Ganjaran pengarah mestilah adil, telus dan sepadan dengan komitmen masa daripada pengarah yang berkhidmat, serta keberkesanan lembaga. Lembaga harus mempunyai dasar dan prosedur ganjaran yang jelas dan mudah difahami.

### **5. Akaun, Audit dan Kawalan Dalaman**

Lembaga Pengarah harus mengemukakan penilaian yang seimbang dan jelas mengenai kedudukan dan prospek kewangan syarikat dalam laporan tahunan serta memastikan kualiti maklumat yang dipersembahkan kepada para pelabur dan pihak berkepentingan lain berkaitan prestasi kewangan, model perniagaan, strategi dan prospek jangka Panjang syarikat.

## 6. Hak Pemegang Saham

Khazanah menitikberatkan kepentingan perlindungan hak pemegang saham termasuk pemegang saham minoriti dan asing. Kami percaya semua pemegang saham harus dilayan secara saksama serta modal yang mereka peruntukkan dipelihara daripada disalah guna atau diselewengkan.

## 7. Struktur Modal

Sebagai pihak yang memperuntukkan modal kepada syarikat, para pemegang saham harus melaksanakan hak pengundian untuk melindungi kepentingan jangka panjang mereka ketika mempertimbangkan keputusan pengundian yang mempengaruhi struktur modal syarikat.

## 8. Garis Panduan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus

Khazanah adalah penandatanganan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (“UNPRI”). Sebagai dana kekayaan berdaulat Malaysia yang memelihara kekayaan jangka panjang Malaysia, kami mempunyai kewajiban untuk bertindak demi kepentingan jangka panjang semua benefisiari dan pihak berkepentingan kami. Kami akan mengundi mengikut prinsip UNPRI.

Nota:

1. *Prinsip dan Garis Panduan Pengundian Khazanah tertumpu kepada pengundian dalam syarikat awam yang bukan milik majoriti. Bagi syarikat-syarikat ini, Garis Panduan ini perlu dituruti dalam apa jua situasi melainkan jika keadaan luar biasa memerlukan tindakan sebaliknya yang mana dalam hal ini, keputusan yang dibuat adalah menurut budi bicara Ketua dana yang berkaitan (Komersial atau Strategik).*
2. *Khazanah, secara umumnya, akan melaksanakan undian pemegang saham dalam semua keadaan. Walau bagaimanapun, Khazanah boleh memilih untuk tidak mengundi dalam keadaan berikut,:*
  - a. *Syarikat bawah portfolio Komersial – Pasaran Awam; dan*
  - b. *Syarikat yang mana Khazanah memiliki kurang daripada 5% saham pengundian, sama ada disenaraikan atau sebaliknya.*
3. *Bagi semua keadaan lain selain daripada 2 (a) dan 2 (b), yang mana Khazanah dikehendaki mengundi, pihak berkuasa yang relevan bagi keputusan pengundian pemegang saham seperti yang terkandung dalam Jadual Perkara Khazanah untuk Lembaga dan Had Kuasa boleh meluluskan keputusan untuk berkecuali daripada pengundian.*
4. *Setakat yang dianggap sesuai, Prinsip dan Garis Panduan Pengundian juga merupakan mekanisme yang berguna untuk meningkatkan tadbir urus korporat di syarikat yang sahamnya tidak didagangkan secara umum atau yang mana Khazanah adalah pemegang saham majoriti. Oleh itu, Prinsip dan Garis Panduan Pengundian masih perlu dipertimbangkan dalam hal ini.*